

Prasarana Malaysia Berhad ("Prasarana") adalah sebuah syarikat milik penuh Kerajaan yang ditubuhkan bagi melancarkan, melaksanakan dan mempercepatkan projek infrastruktur awam yang telah diluluskan oleh Kerajaan. Prasarana dan syarikat kumpulannya merupakan pemilik aset dan pengendali perkhidmatan Laluan Ampang, Laluan Kelana Jaya, Laluan Shah Alam, Laluan KL Monorail dan rangkaian bas di Lembah Klang, Pulau Pinang, serta Bus Rapid Transit ("BRT") Laluan Sunway dan juga pengendali perkhidmatan Mass Rapid Transit ("MRT") Laluan Kajang dan Laluan Putrajaya.

TENDER TEMPATAN

TAJUK DAN NO. RUJUKAN TENDER	SESI TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK (MANDATORI)	TARIKH PERMOHONAN DOKUMEN TENDER	HARGA DOKUMEN TENDER	TEMPAT SERAHAN & TARIKH TUTUP TENDER
"PROPOSED CONSTRUCTION AND COMPLETION OF ELECTRIC VEHICLE (EV) BUSES CHARGING INFRASTRUCTURE AND ASSOCIATED WORKS PHASE 2A FOR 480 UNITS AT CENTRAL REGION (KLANG VALLEY) AND 165 UNITS AT NORTHERN REGION (PENANG)" No. Rujukan Tender: PRASARANA/GPD/BS (E)/138/243/2026	<u>Sesi Taklimat untuk Wilayah Utara (Pulau Pinang)</u> Tarikh: 20 Ogos 2026 (Khamis) Masa: 10:00am to 11:30am Lokasi: Rapid Depoh Bus Mak Mandin 7013, Jalan Bagan Lalang Kaw. Perindustrian Mak Mandin 13400 Butterworth, Pulau Pinang. <u>Lawatan Tapak</u> Tarikh: 20 & 21 Ogos 2026 Masa: 12:00pm to 5:00pm Lokasi: - Rapid Depoh Bus Mak Mandin - Depoh Bus Sungai Pinang - Depoh Bus Nibong Tebal <u>Sesi Taklimat untuk Wilayah Tengah (Lembah Klang)</u> Tarikh: 26 Ogos 2026 (Rabu) Masa: 10:00am to 11:30am Lokasi: Kompleks Rapid Bus Cheras Selatan Lot 1499, Jalan Kb 2/15 Kampung Baru Balakong, 43300 Seri Kembangan, Selangor <u>Lawatan Tapak</u> Tarikh: 26 & 27 Ogos 2026 Masa: 12:00pm to 5:00pm Lokasi: - Kompleks Rapid Bus Cheras Selatan - Depoh Bus Serdang - Depoh Bus Shah Alam - Depoh Bus Melawati Nota: Bagi mereka yang berminat untuk menghadiri taklimat tender, sila kemukakan butiran syarikat dan wakil anda melalui e-mel seperti yang dinyatakan di perkara 6 di bawah, tiga (3) hari sebelum sesi taklimat.	Akses kepada Dokumen Tender akan diberikan melalui Portal SAP Ariba pada 28 Ogos 2026 (Jumaat) sehingga 4 September 2026 (Jumaat) Nota: Petender dikehendaki mendaftar sebagai vendor Prasarana di: http://prasarana.supplier.ariba.com/register	Tidak Berkenaan (Percuma)	Melalui Portal SAP Ariba pada 7 October 2026 (Rabu) Sebelum 12.00 tengah hari

Nota: Masa – masa yang dinyatakan di sini adalah berdasarkan waktu (GMT+8, KUL) Malaysia.

KELAYAKAN MANDATORI PETENDER

- Petender yang berminat adalah dibenarkan untuk membentuk **Usaha Sama Tidak Diperbadankan (Unincorporated Joint Venture – UJV)** antara Kontraktor Tempatan dan Penyedia Penyelesaian Pengecasan (Charging Solution Provider) / Penyedia Penyelesaian Pengecasan EV Bersepadu (Integrated EV Charging Solution Provider). Semua rakan usaha sama **MESTI** bertanggungjawab secara bersama dan berasingan (*jointly and severally liable*). **Perjanjian Usaha Sama (Joint Venture Agreement) MESTI** dikemukakan bersama-sama dokumen tender pada atau sebelum tarikh dan masa tutup penyerahan tender.
- Petender Utama atau mana-mana Rakan Kongsi Usaha Samanya **MESTI** merupakan **Kontraktor Gred G7** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** serta memiliki **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang masih sah bagi kategori **ME, B dan CE** (Peneraju: Mekanikal dan Elektrikal).
- Petender Utama atau mana-mana Rakan Kongsi Usaha Samanya **MESTI** mempunyai pengalaman menyiapkan sekurang-kurangnya **satu (1) projek** yang melibatkan kerja-kerja **reka bentuk, penyediaan pemasangan dan pembinaan sistem/peralatan Mekanikal dan Elektrikal (M&E)** dengan nilai projek minimum **RM50 juta** bagi satu (1) tapak projek.
- Pengecas Arus Terus (DC Charger)** serta sistem/penyelesaian yang dicadangkan hendaklah mempunyai pengalaman operasi sebenar (**actual operating condition**) sekurang-kurangnya **satu (1) tahun**, sama ada di pasaran tempatan atau antarabangsa
- Semua Petender dan Rakan Kongsi Usaha Samanya **MESTI** memenuhi keperluan kewangan berikut:
 - Mengemukakan **Penyata Kewangan Beraudit** yang telah ditandatangani bagi **tiga (3) tahun kewangan berturut-turut** yang terkini dan telah difailkan dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** selaras dengan **Akta Syarikat 2016**.
 - Mempunyai **modal berbayar (Paid-up Capital)** minimum sebanyak **RM10,000.00**
 - Mempunyai **EBITDA terkumpul yang positif** bagi **tiga (3) tahun kewangan berturut-turut** yang terkini.
 - Mempunyai **Dana Pemegang Saham (Shareholders' Fund)** yang positif berdasarkan Penyata Kewangan Beraudit yang terkini.
 - Mempunyai **Keupayaan Pembiayaan Tender (Tender Funding Capacity)** melebihi **5% daripada nilai tawaran tender** yang dikemukakan
- Petender adalah dipelawa daripada syarikat - syarikat yang berpengalaman serta berdaftar dengan kelayakan mandatori seperti yang diperincikan di dalam jadual di atas.
- Bagi Sesi Taklimat dan Lawatan Tapak, semua Petender yang berminat hendaklah memenuhi keperluan **MANDATORI** seperti berikut:
 - Terhad kepada dua (2) orang Wakil sahaja dan Wakil tersebut mempunyai pengetahuan mengenai Tender & Kontrak bagi kerja yang dimaksudkan. Wakil tersebut **MESTI** diberi hak kuasa mewakili oleh pihak syarikat;
 - Memakai alat kelengkapan Peralatan Perlindungan Peribadi (jaket, topi dan kasut keselamatan) untuk Lawatan Tapak; dan Prasarana **TIDAK** akan melayan sebarang permintaan Petender yang tidak memenuhi semua keperluan Mandatori yang tertera.
- Dokumen Tender akan mula dikongsi seperti tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam jadual di atas. Dokumen Tender **HANYA AKAN DIBERI (BERDASARKAN PERMINTAAN)** kepada Petender yang menghadiri sesi Taklimat & Lawatan Tapak (**MANDATORI**). Prasarana **TIDAK** akan melayan sebarang permintaan untuk mendapatkan Dokumen Tender sebelum dan/atau selepas dari tarikh yang tertera.
- Dokumen Tender hanya akan dikongsi kepada wakil Petender yang sah ("bona fide") sahaja. Untuk tujuan tersebut, wakil-wakil Petender **DIWAJIBKAN** membawa surat pengesahan sebagai wakil Petender beserta Sijil **ASAL DAN SALINAN** Yang Telah Disahkan / "Certified True Copy" oleh Setiausaha Syarikat atau Pegawai Kerajaan Kumpulan A bagi sijil-sijil seperti Sijil Pemerbadanan Syarikat yang sah di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) atau badan-badan setaraf di luar negara, untuk mengesahkan kelayakan Petender.
- Diingatkan kepada semua Petender bahawa setiap salinan dokumen yang dikemukakan mestilah disahkan sebagai salinan benar oleh pihak yang diberi kuasa, seperti Setiausaha Syarikat, Notaris Awam, atau pihak berkuasa yang setaraf dengannya.
- Sebarang pertanyaan mengenai tender di atas boleh diajukan kepada Jabatan Perolehan Kumpulan di talian 03-7614 3333 Ext: 3289 atau emel di procurement.tender@prasarana.com.my. Maklumat lanjut mengenai iklan ini boleh dilayari di laman web kami www.prasarana.com.my/tenders/.